

Latihan 1.1 Komputer dan impak

1. Senaraikan kesan positif inovasi dalam bidang pengkomputeran.

i) _____
ii) _____
iii) _____
iv) _____

2. Berikan definisi jenayah siber.

3. Nyatakan dua langkah untuk membendung peningkatan jenayah siber

i) _____
ii) _____

4. "Azri telah membeli sebuah komputer terpakai. Komputer tersebut belum dilengkapi dengan sebarang perisian sama ada perisian pengoperasian atau perisian aplikasi. Justeru, untuk menjimatkan kos, beliau telah meminta salinan perisian – perisian yang diperlukan daripada rakannya untuk beliau pasang pada komputernya. Perisian tersebut merupakan perisian yang telah ciplak sama ada dari pengguna internet atau hak milik persendirian"

Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan kesalahan etika yang telah dilakukan oleh Azri dan rakannya.

5. "Ali tidak dapat menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarahnya mengikut masa yang ditetapkan. Sebagai memenuhi keperluan segera, beliau telah mencedok bahan – bahan dari internet tanpa menyatakan rujukan kepada pemilik asal. Bahan tersebut dijadikan isi tugas yang beliau serahkan kepada pensyarahnya."

Pada pendapat anda, apakah kesalahan yang dilakukan oleh Ali>

6. Lengkapkan jadual di bawah dengan menyatakan langkah keselamatan yang perlu diambil apabila anda menghadapi situasi seperti dibawah.

Situasi	Langkah Keselamatan
Anda mempunyai akaun di Maybank. Anda diminta untuk mewujudkan prbankan internet melalui Maybank2U. Pihak bank telah menyediakan langkah keselamatan yang sepatutnya.	

Setelah tamat pengajian di universiti, anda ingin memohon pekerjaan di salah sebuah organisasi bertaraf antarabangsa. Anda perlu menghantar segera permohonan tersebut dan anda perlu menjamin bahawa maklumat peribadi anda tidak diceroboh.	
Untuk memudahkan perjalanan anda diluar Negara, anda dibekalkan dengan kad kresit dengan ciri – ciri keselamatan sementara dan anda perlu membina langkah keselamatan anda sendiri pada masa pertama kali anda menggunakan kad kredit tersebut.	

7. Lengkapkan jadual dibawah dengan menyatakan perbezaan antar penyulitan dan nyahsulit.

Penyulitan data	Nyahsulit data

8. Dengan menggunakan rumus Caesar Cipher, tukarkan teks biasa tersebut kepada teks sifer apabila nilai $n = 2$

Teks Biasa	Teks Sifer
i) PENGATURCARAAN	
ii) SAINS KOMPUTER	

9. Dengan menggunakan rumus Caesar Cipher, tukarkan teks sifer berikut kepada teks biasa, apabila nilai $n = 3$.

Teks Sifer	Teks Biasa
i) SHUSXVWDNDDQ	
ii) MBKDDLAXJXK	